

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 17 JANUARI 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Penyusutan harga minyak tak jejas projek	Metro Ahad

**KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 17 JANUARI 2016 (AHAD)**

Penyusutan harga minyak tak jejas projek

Kuching: Penyusutan harga minyak mentah dunia tidak akan menjelaskan peruntuhan bagi perbelanjaan operasi serta pembangunan projek di bawah Kementerian Kerja Raya.

Menterinya Datuk Seri Fahdilah Yusof berkata, walaupun sekatan sebanyak 3.2 peratus dikenakan ke atas perbelanjaan operasi berikutan penyusutan harga minyak dunia, namun ia tidak mem-

beri kesan besar kepada sebarang kerja pembangunan.

Beliau berkata, peruntuhan awal diterima kementerian bagi tujuan pembangunan sebanyak RM5.5 bilion dengan RM3 bilion dipergunakan bagi perbelanjaan pembangunan manakala bakinya perbelanjaan operasi.

"Sekatan yang akan dikenaikan ke atas perbelanjaan operasi ialah 3.2 peratus da-

ripada RM2 bilion dan ia bukan satu jumlah besar.

"Saya yakin ia tidak akan menjelaskan atau mengurangkan pencapaian kementerian khususnya dalam kerja pembangunan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Penutupan Program Inovasi Sosial MOSTI: Latihan Peningkatan Kecekapan Keselamatan Siber dan Maklumat di Dewan Serbaguna Kolej

Komuniti di sini, semalam.

Menurutnya, kerajaan akan berusaha mengoptimalkan perbelanjaan operasi sedia ada, namun mengekalkan kualiti pembangunan bagi memberikan impak positif kepada rakyat.

"Kita akan lebih komited untuk memastikan setiap perkhidmatan disalurkan kepada rakyat sentiasa diingkatkan, lebih-lebih lagi apabila membatikan kese-

lesaan dan keselamatan pengguna jalan raya yang menjadi keutamaan kementerian," katanya.

Mengenai Program Inovasi Sosial MOSTI, beliau berkata, ia wajar dilaksanakan berikutan semakin ramai peniaga mula terbabit dalam aktiviti perniagaan secara dalam talian.

"Peniaga dalam talian harus tahu selok belok penggunaan teknologi maklumat

selain mengetahui kebaikan dan keburukan yang akan mereka peroleh daripada kecanggihan IT," katanya.

Hadir sama Pengurus Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia Jeneral (B) Tan Sri Mohd Azumi Mohamad dan Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia merangkap Datuk Bandar Kuching Utara Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai.